

# KARNIVAL KERJAYA KEBANGSAAN ZON UTARA 2007

**Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)** dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perlis, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Jabatan Perdana Menteri telah menganjurkan Karnival Kerjaya Kebangsaan Zon Utara 2007. Karnival ini telah berlangsung selama tiga hari bermula pada 12 hingga 14 Januari 2007 bertempat di Dewan 2020, Kangar, Perlis. Program yang pertama seumpamanya diadakan ini adalah sebahagian daripada zon-zon karnival kerjaya yang direncanakan oleh pihak MTEN. Program ini dikelola oleh sekretariat yang terdiri daripada Pusat Pengajian Mikroelektronik, Pusat Kerjasama Industri dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar. Karnival kerjaya yang dianjurkan oleh UniMAP ini merupakan peringkat ke-2 selepas Karnival Kerjaya Kebangsaan 2006 yang diadakan pada 18 hingga 20 Disember 2006 di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Sepanjang tiga hari berlangsung, karnival ini berjaya menarik perhatian 3 ribu orang pengunjung yang terdiri daripada pelajar UniMAP, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Arau, Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Malaysia (USM), pelajar Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), pelajar sekolah serta graduan lepasan IPTA/IPTS sekitar negeri Perlis dan Kedah. Karnival Kerjaya Zon Utara 2007 ini telah dirasmikan oleh Y.A.B Dato' Seri Dr. Shahidan Kassim, Menteri Besar Perlis. Y.A.B Menteri Besar Perlis juga turut sama melawat pameran-pameran yang diadakan sepanjang karnival berlangsung.

Pelbagai aktiviti diadakan selama tiga iaitu Pameran Kerjaya Industri, Pameran Penyelidikan dan Pembangunan UniMAP, Pameran Pendidikan IPT Zon Utara,

Ceramah, Sesi Temuduga dan Majlis Makan Malam. Objektif utama penganjuran karnival kerjaya seperti ini adalah untuk memberi peluang kepada pelajar khususnya bakal graduan dengan informasi tentang kerjaya. Informasi tentang kemahiran insaniah (soft skills) umpamanya, disampaikan melalui ceramah dan seminar. Melalui usaha ini para pelajar diberi pendedahan tentang perkara-perkara berkaitan etika sosial, etika temuduga, kemahiran berkomunikasi, keusahawanan, kepimpinan dan pembelajaran sepanjang hayat. Ini secara tidak langsung dapat membantu pelajar meningkatkan keyakinan diri dalam membuat penilaian tentang kebolehan diri mereka bagi memenuhi keperluan pasaran. Selain itu, karnival ini juga merupakan satu platform penting bagi merapatkan hubungan universiti dan industri dalam menentukan kaedah serta keperluan pasaran pekerjaan. Ini terbukti apabila karnival kali ini berjaya menarik penyertaan hampir 30 sektor industri dan agensi kerajaan dalam pameran kerjaya yang diadakan.

Sambutan dan maklumbalas yang diterima daripada sektor industri dan agensi kerajaan yang menyertai karnival ini amat menggalakkan. Kebanyakan industri yang menyertai karnival ini berpuas hati dengan perjalanan program dan juga kebolehan pelajar semasa temuduga. Empat buah industri dan syarikat telah mengadakan sesi temuduga untuk pelajar tahun akhir UniMAP iaitu Spansion (Penang) Sdn. Bhd., Freescale Semiconductor (M) Sdn. Bhd., JobMarket Malaysia dan Career Wise Sdn. Bhd.

Sesi temuduga pelajar-pelajar terbabit adalah terdiri daripada pelajar tahun akhir Pusat Pengajian Kejuruteraan Komputer dan Perhubungan, Sistem Elektrik,

Mekatronik, Pembuatan dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan. Peratusan pelajar yang berjaya menduduki sesi temuduga adalah kira-kira 17.5% (114 orang pelajar) daripada jumlah keseluruhan pelajar tahun akhir UniMAP. Proses pemilihan dilakukan oleh industri terbabit berdasarkan bidang pengajian untuk keperluan tenaga kerja industri.

Dalam pada itu, terdapat juga industri seperti Agilent Technologies (M) Sdn. Bhd., dan Intel Products (M) Sdn. Bhd. yang mengumpulkan resume pelajar-pelajar tahun akhir UniMAP dan juga graduan luar dari UUM, USM, UIAM dan sebagainya untuk dinilai dan akan mengadakan sesi temuduga pada waktu dan tempat yang akan ditentukan nanti.

Karnival kerjaya yang julung kali diadakan diperingkat zon utara ini diharapkan mampu menjadi satu platform penyebaran maklumat kerjaya dan pendidikan serta membuka peluang kerjaya kepada bakal graduan UniMAP dan graduan lepasan IPT Zon Utara. Pameran pendidikan yang diadakan mampu memberikan maklumat berguna kepada orang awam untuk mengenali dengan lebih dekat program pengajian yang ditawarkan. Pameran Pusat-pusat Pengajian UniMAP dan produk R&D juga dilihat mampu mempromosikan konsep pengajaran dan pembelajaran di UniMAP. Pihak penganjur juga berharap penganjuran karnival seperti ini akan dapat diteruskan dengan melibatkan lebih banyak lagi syarikat dan industri multinasional menyertai pameran kerjaya ini.

